

## MENERIMA HUTANG DARI SUMBER YANG HARAM

Harta yang diperolehi melalui usaha yang tidak patuh syariah seperti aktiviti yang melibatkan amalan riba dan judi adalah haram dimanfaatkan kecuali untuk kemaslahatan umum. Manakala harta yang diperolehi dengan cara mencuri, merampas dan seumpamanya hendaklah dikembalikan kepada pemilik asal atau warisnya (jika pemilik asal telah meninggal dunia).

Oleh yang demikian, mana-mana penghutang tidak boleh menggunakan harta haram tersebut untuk tujuan melunaskan hutangnya. Bagi pemiutang pula, tidak menjadi satu tuntutan ke atasnya untuk mengetahui sumber harta yang digunakan untuk melunaskan hutang. Justeru, harus baginya untuk menerima bayaran hutang tersebut. Walau bagaimanapun jika pemiutang mengetahui dengan yakin bahawa sumber harta adalah haram, maka dia tidak boleh menerima harta tersebut sebagai bayaran bagi melunaskan hutangnya.